

06 MAY 1996

Parlimen-Reaksi (Pembangking)

RAZALEIGH SAMBUT BAIK RMK7

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Parti Melayu Semangat 46 menyambut baik Rancangan Malaysia Ketujuh yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dewan Rakyat di sini, petang ini.

Presidennya Tengku Razaleigh Hamzah memberitahu wartawan di lobi Parlimen: "Saya fikir kita boleh mengalu-ngalukannya meskipun terdapat pelbagai masalah dari masa ke masa."

"RMK7 boleh diterima sebagai sesuatu yang memuaskan dan saya puashati ia dapat menghasilkan banyak faedah kepada rakyat," katanya.

Bagaimanapun beliau enggan mengulas lebih lanjut kerana beliau akan membahaskan RMK7 itu di Dewan.

Beliau tidak kata beliau puashati sepenuhnya kerana masih banyak perkara yang perlu diselesaikan seperti amalan rasuah yang merupakan gejala yang menjejaskan jentera pemerintahan, katanya.

"Pada keseluruhannya, tidak ada siapa yang boleh nafikan prestasi RMK6 yang adalah di luar jangkaan walaupun tidak mencapai tahap yang diharapkan seperti yang dimatlamatkan di bawah rancangan itu.

Razaleigh berkata beliau gembira mendengar Dr Mahathir memperakui beberapa kelemahan yang boleh membawa kepada kepincangan perancangan kerajaan terutama defisit akaun semasa yang membimbangkan di samping soal guna tenaga kerja asing yang kian merunsingkan.

kini ternyata ada kesanggupan di pihak kerajaan untuk mengurangkan penggantungan negara terhadap tenaga kerja asing dan sebaliknya berusaha agar menggunakan segala tenaga yang ada di dalam negara ini sama ada tenaga wanita atau pesara, katanya.

"Tindakan kerajaan itu dapatlah mengurangkan tenaga kerja asing dalam jangka masa yang tersusun. Ini patut disambut baik dan perkara ini pernah saya bangkitkan dahulu," tambahnya.

Sementara itu Ketua Pemuda DAP, Lim Guan Eng, berkata membasmian amalan rasuah sepatutnya diutamakan dalam RMK7.

"Kalau kerajaan tidak serius dalam menghapuskan rasuah, ia akan menyekat pembangunan ekonomi," katanya. -- BERNAMA

ZAB PR